



PENGARAH
MAHKAMAH KUALA LUMPUR
KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
JALAN DUTA
50506 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-6209 4000

Faks : 03-6209 4211
03-6209 4040

Encik Alvin Oh Seong Yew
Pengerusi
KL Bar Committee
Unit 4.02, Level 4
Wisma Badan Peguam Malaysia*
No. 2, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Ruj. Tumpukan: JMKL-100/7(2)

Ruj. Kami:

Tarikh:

2 November 2023
(secara e-mel/pos)

Tuan,

PEMAKLUMAN PENYUSUNAN DAN PERUBAHAN MAHKAMAH SESYEN JENAYAH (1) KEPADA MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK (JSKK) DAN SENARAI PEMBAHAGIAN SEMULA KES-KES DI MAHKAMAH SESYEN JENAYAH 1, 2, 3 DAN 10 DI MAHKAMAH SESYEN KUALA LUMPUR.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mahkamah Sesyen Jenayah 1 (MSJ1) yang sekarang mendengar kes-kes komersial akan diubah untuk dijadikan sebagai Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (JSKK) selain dari Mahkamah Sesyen Jenayah 2 (MSJ2) sedia ada berkuatkuasa mulai **15 NOVEMBER 2023**.

3. Sehubungan dengan itu, semua kes-kes Sebutan dan Bicara yang telah ditetapkan tarikh pada atau selepas 15 November 2023 di MSJ2 akan di bahagikan semula kepada kedua-dua Mahkamah JSKK (MSJ1 & MSJ2) ini tanpa menjejaskan tarikh dan masa yang telah ditetapkan terdahulu melainkan diarahkan sebaliknya oleh Hakim Sesyen yang berkenaan. Namun bagi kes-kes di peringkat Sambung Bicara, kes-kes tersebut kekal diteruskan oleh Puan Tasnim binti Abu Bakar di MSJ 2.

4. Lanjutan dari perubahan fungsi MSJ1 ini, semua kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah tersebut juga akan di bahagikan semula kepada MSJ3 dan MSJ10 tanpa menjejaskan tarikh-tarikh yang ditetapkan terdahulu melainkan diarahkan sebaliknya oleh Hakim Sesyen berkenaan. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, senarai pembahagian semula kes-kes di di semua Mahkamah yang terlibat dilampirkan untuk kemudahan rujukan

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

5. Notis pemakluman lanjut tentang perubahan dan pembahagian semula kes-kes ini akan disusuli oleh mahkamah masing-masing kepada peguam-peguam yang terlibat.

Atas perhatian dan kerjasama pihak Tuan untuk memanjangkan makluman ini kepada semua ahli-ahli KL Bar amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN SABARIAH BINTI OTHMAN)

Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur